

## AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 17 BILANGAN 51 RABU 20HB. DISEMBER, 1972.

1392 ر.و 14 ذوالقعدة PERCHUMA

### D.Y.M.M. KEBANYAKAN-NYA BERJALAN KAKI UNTUK MELAWAT RA AYAT BAGINDA DI-PENDALAMAN

**BANDAR SERI BEGAWAN.** — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah berangkat melawat ka-empat buah kampung pendalaman di-Daerah Brunei dan Muara pada pagi hari Khamis lepas.

Kampung2 yang di-lawati Baginda itu ia-lah Kampung Limau Manis, Kampung Junjongan, Kampung Lumapas dan Pulau Baru-Baru.

Turut serta dalam lawatan Baginda itu ia-lah Duli Yang Amat Mulia Raja Muda Johore, Tunku Mahmud Ishkandar.

Dalam lawatan itu, Baginda juga di-iringi oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Muda Mohammed Bolkih, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Jefri Bolkih, Pengiring Peribadi Awam Baginda, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja, Pengiran Anak Chuchu, Pengiring Peribadi Tentera Baginda, Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Asgar Diraja, Major Gauntlett, Pemerintah Askar Melayu Diraja Brunei, Colonel Dato B.F.L. Rooney, Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim dan Pegawai Pemerintah Polis Daerah Brunei-Muara, Awang B.M.G. Carvalho serta Major Dato Mohammad bin Haji Daud.

Ini ada-lah buat kali ke-empat-nya Baginda berangkat melawat ka-kampung2 pendalaman di-seluruh negeri di-sepanjang tahun ini.

Pertama, kali-nya, Baginda berangkat melawat ka-empat buah kampung di-Ulu Tutong ia-itu Kampung2 Bukit, Supon Kechil, Belabau dan Kampung Bedawan pada 22hb. Ogos, 1972.

Pada 16hb. Nobember, 1972, Baginda dan rombongan telah berangkat melawat ka-empat buah kampung pendalaman dalam Daerah Belait. Kampung2 itu ia-lah Bukit Sawat, Labi, Rampayoh dan Kuala Balai.

Kali yang ketiga-nya pula ia-lah lawatan Baginda ka-lima buah kampung di-Daerah Temburong pada 29hb. Nobember, 1972. Kampung2 pendalaman yang di-lawati Baginda di-daerah itu ia-lah Kampung Biang Menengah, Kuala Biang, Mukim Amo, Semabat dan Kampung Bokok.

Dalam lawatan2 itu, selain dari menggunakan helikopter dari Bandar Seri Begawan, Baginda dan rombongan

(Lihat muka 8)



D.Y.M.M. dengan di-bantu oleh Pegawai Daerah Brunei-Muara, Pengiran Dato Paduka Haji Abd Rahman sedang menanda-tangani Buku Peringatan ketika baginda melawat ka-Kampung Lumapas, Sedang memerhati di-tengah2 ia-lah Duli Yang Amat Mulia Raja Muda Johore.



Mempelai Diraja — Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam dan Yang Mulia Pengiran Idris ketika menjalani Istiadat Bersanding Diraja yang telah di-langsungkan di-Balai Singgahsana, Istana Darul Hana Bandar Seri Begawan pada hari Sabtu 16hb. Disember yang baru lalu.

### Istiadat Perkahwinan Diraja selamat di-langsungkan

**BANDAR SERI BEGAWAN.**

— Tembakan meriam sa-banyak 17 das telah bergema di-angkas sa-bagai menandakan selamat berlangsung-nya Istiadat Bersanding Perkahwinan Diraja antara Puteri Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam dengan Yang Mulia Pengiran Idris bin Pengiran Maharaja Lela Sahibol Kahar Pengiran Muda Abdul Kahar.

Istiadat Bersanding kedua mempelai Diraja itu telah di-langsung di-Balai Singgahsana, Istana Darul Hana di-sini pada hari Sabtu, 16hb. Disember yang lalu.

Istiadat yang gilang gemilang itu telah di-saksikan oleh Duli2 Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Raja Isteri, Duli2 Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan dan Suri Seri Begawan Raja, Duli Yang Amat Mulia Raja Muda Johore Tunku Mahmud Ishkandar, Tuan Yang Terutama Pesuruhia Yang British Di-Brunei, Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Perda-

(Lihat muka 8)

### Bebas dari penyakit taun

**P**ENGARAH Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan Brunei telah menerima maklumat dari pihak berkuasa Sabah bahawa sa-bahagian besar daerah2 di-negeri itu telah di-ishtiarikan bebas dari wabak penyakit taun.

Beberapa daerah di-negeri itu termasuk Labuan telah di-serang oleh wabak tersebut baru2 ini.

Walaupun bagaimana pun orang ramai di-negeri ini di-nasehat supaya melaksanakan langkah2 keselamatan bagi mencegah penyakit itu dari merebak ka-negeri ini.

Sa-orang juruchakap Jabatan Kesihatan menyeru orang ramai yang belum lagi bersuntik bagi mencegah penyakit taun supaya pergi bersuntik ka-klinik2 yang berdekatan.

**P**ENGERUSI Jawatan Kuasa Tabong Pembinaan Stadium bagi derma2 orang perseorangan, Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Udana Laila Dato Paduka Awang Hussain telah menerima wang sa-banyak \$200.00 dari Persatuan Penuntut2 Taiwan bagi tabong pembinaan stadium.

Wang itu telah di-serahkan oleh Awang Yeo Tiong Huat, setia usaha persatuan itu di-Jabatan Kewangan Bandar Seri Begawan pada minggu lalu. (gambar kanan).

Awang Yeo berkata bahawa persatuan-nya akan menganjorkan beberapa kegiatan untuk mengumpulkan wang bagi tabong pembinaan stadium sa-lama tiga tahun.



## 36 GURU MENAMATKAN KURSUS ILMU HISAB BARU

GADONG. — Sa-ramai 36 orang guru — 14 orang dari sekolah2 Inggeris Kerajaan, 12 dari sekolah2 Melayu, t u j o h dari sekolah2 Misi dan tiga dari sekolah2 China — telah menamatkan kursus Ilmu Hisab Baru pada minggu lalu.

Kursus tersebut telah berakhir apabila satu upacara penutup yang telah di-lakukan oleh Nazir Sekolah2 Negara, Awang Suni bin Haji Idris dalam satu upacara ringkas yang di-adakan di-Maktab Latehan Perguruan, Gadong pada hari Khamis lepas.

Kursus sa-lama lapan hari itu di-anjorkan buat pertama kali-nya oleh Jabatan Pelajaran.

Bahasa Melayu dan Inggeris telah di-gunakan sa-bagai bahawa penghantar samasa kursus tersebut.

Sa-orang juruchakap Jabatan Pelajaran menyatakan bahawa kursus tersebut kebanyakan-nya berhubung dengan pengajaran ilmu hisab chara baru kepada penuntut2.

Juruchakap itu berkata 36 orang guru yang telah mengikut kursus tersebut akan menyebarkan pengajaran ilmu hisab chara baru itu kepada lebih dari 4,000 orang penuntut pada tahun depan.

## Balai pulis baru akan di-bina di-Bangar

TEMBURONG. — Kerajaan sedang menawarkan tender2 bagi pembinaan sa-buah kompleks balai pulis di-Bangar, Daerah Temburong.

Sa-orang juruchakap pulis menyatakan, kompleks yang di-chadangkan itu akan dibina di-satu tapak di-seberang Sungai Temburong berhadapan dengan balai pulis Bangar yang ada sekarang.

Juruchakap itu menyatakan, bangunan yang di-chadangkan itu akan mengandungi antara lain sa-buah balai pulis, dua blok 24 unit tempat tinggal anggota2 pulis yang sudah kahwin.

Tempat tinggal bagi anggota2 pulis yang sudah kahwin itu adalah dua tingkat.

Juruchakap itu berkata, ada-lah di-harapkan supaya kerja2 ka-atas kompleks itu akan di-mulakan pada tahun depan.

## Terima Kaseh dari J/K Pembinaan Stadium

BANDAR SERI BEGAWAN. Setiausaha Agong Jawatan-kuasa Tertinggi Derma Pembinaan Stadium, Y.B. Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awang

### 3 bulan penjara kerana menchuri

BANDAR SERI BEGAWAN. Mahkamah Bandar Seri Begawan telah menghukum penjara tiga orang Iban masing2 sa-lama tiga bulan sa-telah mereka mengaku salah atas tuduhan menchuri.

Ketiga2 mereka ia-lah Janggi anak Pang, Reji anak Kerayang dan Sunggung anak Bedan.

Mahkamah itu di-beritahu bahawa ketiga2 yang di-tuduh itu telah menchuri peti wang dari kedai Lim Phang Hong di-Kampnog Puni, Temburong pada Disember lepas.

Di-Seria, mahkamah telah mendenda Won Kon Fook sa-banyak \$80.00 atau tiga minggu penjara kerana memberi rasuah.

Mahkamah itu di-beritahu bahawa yang di-tuduh telah memberikan wang sa-banyak \$3.00 kepada sa-orang anggota pulis, Ahmad bin Hassan supaya tidak mengambil tindakan terhadap-nya kerana melakukan satu kesalahan kechil lalu lintas.

Yang di-tuduh telah melakukan kesalahan itu di-Lorong Satu, Seria pada 7hb. Disember yang lalu.

Di-Kuala Belait, sa-orang China, Johnnie Tong Kong Kiang atau Thong Yun telah di-denda oleh mahkamah sebanyak \$50.00 ringgit kerana memukul.

Mahkamah di-beritahu bahawa yang di-tuduh telah memukul Soon Hwei Ming di-Kelab China Seria dalam bulan Ogos tahun ini.

Haji Mohamed Jamil Al-Sufri telah menguchapkan ber-banyak2 terima kaseh kepada kaki-tangan Dewan Bahasa dan Pustaka dan Jabatan Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan kerana menyumbangkan tenaga sukarela memasang keping2 simen untuk tapak berjalan kaki.

Beliau juga menguchapkan terima kaseh kepada Danyang Damit binte Ahmad yang bermurah hati memberi-kan minuman dan kueh-mueh


kapada kaki tangan kedua jabatan tersebut semasa mereka bekerja.

Kerja2 di-langsungkan sa-lama dua hari pada 8hb. dan 10hb. Disember lalu bermula dari Jalan Istana Darul Hana Jalan Tutong dan telah selesai sa-jauh lebih 30 rantai dengan pemasangan lebih 4,000 keping batu simen.

Upah dari kerja2 sa-lama dua hari itu akan di-dermakan kepada Tabong Pembinaan Stadium.



**M**ALAM Bahasa khas untuk sekolah2 Misi dan China telah di-adakan pada malam 9hb. Disember yang lalu. Malam Bahasa itu di-anjorkan oleh Jabatan Pelajaran. Gambar atas menunjukkan ketika di-adakan Kuiz Bahasa sementara gambar bawah, salah satu tarin yang di-persembahkan pada malam itu.



# Ugama Allah membawa manusia kpd. kesejahteraan di-dunia dan di-akhirat

**K**EKUFORAN yang terbesar pernah di-lakukan manusia terhadap nikmat kurnia Allah ia-lah penolakan mereka terhadap kerasulan Nabi Mohammad s.a.w. dan ke-engkaran menerima ugama yang di-bawa-nya. Pada hal baginda datang membawa Ugama Allah yang mengajak manusia supaya hidup selamat dan sejahtera. Firman Allah Subhanahu-Wataala yang bermaksud:

"Wahai Nabi, sesungguhnya kami utus engkau menjadi saksi atas manusia dan memberi khabar gembira dan khabar menakutkan, dan menyeru manusia kepada Ugama Allah dengan izin-nya, serta menjadikan pelita yang menerangi".

Sudah terang bahawa Rasulullah Allah di-utus untuk memperbaiki keadaan manusia yang telah rosak iktikad dan pergaulan mereka. Kerana Rasulullah itu membawa Ugama Allah, yang menuntun manusia kepada jalan yang lurus dan selamat yang di-redhai oleh Allah Subhanahu-Wataala dan di-jauhkan-nya dari jalan2 yang sesat yang menyimpang dari jalan yang benar dan lurus itu.

Adapun jalan sesat itu ialah jalan shaitan untuk menyesatkan manusia dari jalan yang benar sa-hingga manusia berubah kelakuan-nya dan perbuatan-nya menjadi sa-bagai haiwan yang tidak berakal.

Chuba-lah kita perhatikan perbedaan antara seruan Allah dan pujukkan shaitan yang di-terangkan di-dalam Al-Quran yang bermaksud:

"Shaitan itu menakuti kamu dengan kepapahan dan menyuruh kamu melakukan kejahatan, sedangkan Allah menjanjikan kamu akan memberi keampunan daripada-nya dan ke-utamaan dan Allah maha luas kurnia-nya lagi maha mengetahui".

Dengan ayat itu ada-lah terang bahawa shaitan berusaha menakuti orang daripada membelanjakan harta di-jalan Allah dengan kepapahan dan kemalajaran, lalu di-suruh-nya belanjakan di-tempat maksiat dan kejahatan, supaya manusia menjadi jahat dan dan melakukan berbagai2 maksiat yang menjadi kemurkaan Allah Subhanahu-Wataala.

Yang kita sebutkan tadi ialah suatu chontoh daripada orang2 yang menolak kebenaran Rasul dan engkar kepada ugama di-bawa-nya.

Chontoh yang lain lagi ialah dalam masyarakat kita

## KHUTBAH JUMAAT

sudah di-lakukan orang2 kejahatan yang di-larang oleh ugama sa-chara biasa sahaja. Di-antara-nya sudah kita dapati pergaulan bebas yang melebihi batas antara pemuda2 dan pemudi2 Islam kita, akibat-nya bertambah-lah perbuatan2 khalwat, zina, ke-churangan suami isteri dan sa-bagai-nya, kerana itu hidup mereka tiada tenteram, tiada rukun dan tiada damai, di-sebabkan keberkatan hidup itu tidak ada pada mereka, dengan ini ternyata bahawa sa-bahagian dari ajakan shaitan sudah di-sambut orang dengan gembira, megah dan bangga.

Tetapi chuba-lah kita perhatikan bagaimana sambutan sa-bahagian mereka terhadap seruan Ugama Allah yang membawa manusia kepada kesejahteraan di-dunia dan keselamatan di-akhirat. Tepat benar sabda Nabi Mohammad s.a.w. yang bermaksud:

"Aku hairan terhadap beberapa kaum yang digiring ka-dalam shurga dengan rantai2 pada hal mereka tidak mahu masuk".

Oleh yang demikian, marilah kita bekerjasama antara satu dengan lain untuk memimpin anak2 muda kita khas-nya dan kaum muslimin am-nya kepada ugama Allah Mudah2an mereka itu akan terselamat dari pengaruh2 shaitan yang senantiasa menyesatkan manusia.

## Penuntut2 tinjau kegiatan2 bomba

**BANDAR SERI BEGAWAN.** — Satu rombongan 50 orang penuntut dan tiga orang guru dari Sekolah Persediaan Inggeris Berakas telah melawat Ibu Pejabat Perkhidmatan Bomba di-Bandar Seri Begawan pada minggu lalu.

Semasa lawatan itu, mereka telah di-beri penerangan mengenai aspek2 perkhidmatan pasukan tersebut dan menyaksikan pertunjukan2 chara2 menggunakan alat2 pemadam api dan alat2 kechemasan.



**S**ATU perjumpaan guru2 besar sekolah2 Ugama di-seluruh negeri telah di-adakan di-Sekolah Menengah Arab Hassanah Bolkiah Bandar Seri Begawan pada minggu lalu.

Perjumpaan sa-lama dua hari itu di-hadiri oleh 84 orang guru besar sekolah2 Ugama.

Beberapa perkara telah di-bincangkan dalam perjumpaan tersebut, termasuk menguak kaji sukatan pelajaran yang di-buat oleh Nadzir Lawatan Sekolah2 Ugama di-sepanjang tahun 1972.

Satu majlis dialog antara Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama dengan guru2 besar itu telah juga di-adakan dalam perjumpaan itu.

Gambar2 JHEU/BP ini menunjukkan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Utama Awang Haji Mohd. Zain ketika memberikan pendapat2-nya dalam majlis dialog itu, manakala gambar bawah: sa-bahagian dari guru2 besar Sekolah Ugama yang telah menghadiri perjumpaan tersebut.



## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 20hb. Disember, 1972 hingga ka-hari Selasa 26hb. Disember, 1972 ada-lah seperti di-bawah ini:—

| Hari       | Bulan | Dzohor | Asar | Magrib | Isha | Imsak | Suboh | Matahari Terbit |
|------------|-------|--------|------|--------|------|-------|-------|-----------------|
| 20hb. Dis. |       | 12-23  | 3-42 | 6-18   | 7-33 | 4-49  | 5-04  | 6-22            |
| 21hb. Dis. |       | 12-26  | 3-45 | 6-21   | 7-36 | 4-52  | 5-07  | 6-25            |
| 22hb. Dis. |       | 12-26  | 3-45 | 6-21   | 7-36 | 4-52  | 5-07  | 6-25            |
| 23hb. Dis. |       | 12-26  | 3-45 | 6-21   | 7-36 | 4-52  | 5-07  | 6-25            |
| 24hb. Dis. |       | 12-26  | 3-45 | 6-21   | 7-36 | 4-52  | 5-07  | 6-25            |
| 25hb. Dis. |       | 12-26  | 3-45 | 6-21   | 7-36 | 4-52  | 5-07  | 6-25            |
| 26hb. Dis. |       | 12-28  | 3-47 | 6-24   | 7-39 | 4-54  | 5-09  | 6-27            |

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

(20hb. Disember, 1972).

## PUNCHA KECHICHIRAN

**MENURUT** Nazir Sekolah2 Melayu Daerah Belait, Awang Haji Sabtu bin Mohamad bahawa sistem pelajaran sedang di-susun bagi mengim-bangkan dengan perkembang-an2 dunia hari ini. Berhubung dengan perkara ini, beliau menerangkan bahawa Jabatan Pelajaran mempunyai suatu tanggung-jawab yang besar dan alam pelajaran itu sendiri, tegas beliau, ada-lah suatu alat yang dapat menjadikan ma-sharakat yang berpadu menyemaikan kesedaran di-ka-lang jenerasi2 muda untuk membantu membangun dan memajukan negara. Oleh sebab itu-lah, menurut beliau lagi, pehak Jabatan Pelajaran hari ini berusaha dengan sa-boleh2-nya pada mencari jalan bagi meninggikan taraf atau mutu pelajaran di-negeri ini. Beliau mengharapkan supaya guru2 yang telah menerima kursus2 pengajaran bahasa Ingeris a k a n dapat menyalor-kan pengajaran mereka kepada murid2 sa-hingga murid2 itu nanti dapat menunjokkan ke-cekapan dalam menerima pe-lajaran bahasa tersebut.

Harapan kepada guru2 itu nampak-nya di-sandarkan de-ngan keyakinan yang besar dan mereka juga telah di-beri ba-yangan akan kechichiran pe-nuntut2 di-sekolah2 Menengah Melayu yang berpuncha dari kelemahan mereka dalam me-nguasai Bahasa Ingeris itu.

Dengan keterangan beliau itu, apa yang menjadi tanda-tanya di-kalangan ibu bapa dan penjaga2 penuntut2 berhu-bong dengan kechichiran itu telah menerima jawapan-nya.

Sa-tiap selesai-nya pepereksa-an dan sa-tiap terbit-nya kepu-tusan2 pepereksaan itu apa yang biasa-nya menarek per-hatian orang ia-lah soal berapa yang lulus dan berapa yang ti-dak lulus. Keadaan semakin terok lagi ia-lah bilamana orang mula membanding2 keti-ka berhadapan dengan satu jumlah yang besar penuntut2 yang gagal dalam satu2 pe-pe-reksaan. Dari sini banyak be-nar saranan2 lisan bahawa ke-gagalan penuntut2 itu ada-lah berpuncha dari kelemahan gu-ru. Dan, tidak kurang pula yang menyalahkan di-pehak pe-nuntut2 itu sendiri dan juga di-pehak ibu bapa atau penjaga2 penuntut. Dan ada juga yang menyalahkan terus ka-pehak Jabatan Pelajaran sama ada mengenai sistem mahupun da-sar pelajaran. Dari sini kita li-hat bahawa kechichiran penun-tut2 itu sangkut menyangkut. Namun demikian, belum ada suatu kepastian yang dapat di-tunjokkan berhubung dengan kechichiran itu.

Walaupun macham mana pun, pehak Jabatan Pelajaran tidak-lah berdiam diri dan beberapa langkah telah pun di-tunjok-kan-nya untuk mengatasi ke-chichiran itu. Di-antara-nya ia-lah menguatkan sistem pen-gajaran Bahasa Ingeris, Ilmu Hisab dan Sains yang merupa-kan subjek2 utama yang ke-banyakan-nya tidak dapat di-kuasai oleh penuntut2 itu dan menyebabkan banyak yang ter-chichir atau gagal.



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan sedang di-ziarahi oleh Yang Mulia Pengiran Idris sa-telah selesai Istiadat 'Akad Nikah Diraja yang telah berlangsung di-Mesjid Omar Ali Saifuddin pada hari Selesa minggu lalu.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan sedang men-chuliki bedak kepada Y.T.M. Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kal-thum Al-Islam di-Istiadat Berbedak Diraja yang telah di-langsungkan di-Balai Singgahsana Istana Darul Hana pada 11hb. Disember yang lalu. (gambar atas kanan).



D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan kelihatan sedang meringis minyak wangi ka-tapak tangan Yang Mulia Pengiran Idris dalam Istiadat Berina Diraja yang telah di-adakan di-rumah pengantin tela-ki pada 15hb. Disember yang lalu.



Penasehat Umum kebawah D.Y.M.M. Al-Sultan, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakri Diraja Dato Seri Laila Utama Awang Isa meringis minyak wangi ka-tapak tangan Yang Mulia Pengiran Idris da'am Istiadat Berbedak Diraja yang telah ber-langsung pada 11hb. Disember yang lalu.

# GAMBAR2 DI-SEKITAR PERKAHWINAN DIRAJA



Yang Mu'ia Pengiran Idris ketika menanda-tangani surat nikah.



Yang Di-Muliakan Pehin Dato Seri Maharaja Dato Utama Awang Haji Ismail menapakkan tangan Yang Mulia Pengiran Idris ka-ubun2 Y.T.M. Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam sa-jurus sa-belum Istiadat Ber-sanding Diraja di-langsungkan pa-da hari Sabtu lepas.

Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam sedang di-pimpin oleh isteri Yang Amat Mulia Pengiran Perdana Cheteria dari bilek peng-angunan untuk menjalani Isti-adat Bersanding Diraja yang di-langsungkan di-Balai Singgahsana Istana Darul Hana pada hari Sa-btu 16hb. Disember.

Kedua2 Mempelai Diraja dengan di-iringi oleh Yang Teramat Mu li a Pengiran Perdana Wazir ber-angkat dari Balai Singgahsana Istana Darul Hana sa-telah selesai menjalani Isti-adat Bersanding Di-raja untuk menja-ni perarakan mengeli-lingi Bandar Seri Begawan.



Kedua2 Mempelai Diraja, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam dan Yang Mulia Pengiran Idris ketika di-arak mengelilingi bandar untuk di-perkenalkan ka-pada raayat jelata.

Yang Mulia Pengiran Idris ketika menjalani Istiadat 'Akad Nikah Diraja yang di-laksanakan oleh Kadzi Besar, Yang Berhormat Be-gawan Pehin Khatib Dato Seri Utama Awang Haji Metali bin Matyassin.



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri sedang m e m b u h i n a i ka-atas tapak tangan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam dalam Istiadat Berina Diraja pada 15hb. Disember yang lalu (atas kiri).

Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam dengan di-iringi oleh Yang Teramat Mulia Pengiran Babu Raja, isteri Yang Amat Mulia Cheteria2 ketika berangkat ka-Balai Singgahsana Istana Darul Hana untuk menjalani Istiadat Berina Diraja yang telah di-langsungkan pada 15hb. Disember (kiri).



## Tanah Jambu akan punyai sekolah baru

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerajaan sedang menawarkan tender bagi pembinaan bangunan2 sekolah dan kerja2 lain di-Tanah Jambu, Jalan Muara.

Sa-orang juruchepak Jabatan Kerja Raya yang mereka bangunan yang di-chadangkan itu berkata, kerja2 akan di-tawarkan bagi pembinaan bangunan2 sekolah yang tetap.

Juruchepak itu berkata, sekolah yang di-chadangkan itu akan mempunyai dua buah bangunan yang berasingan.

Sa-buah akan mempunyai

empat buah bilek darjah dan yang satu lagi mempunyai tiga buah bilek darjah dan beberapa buah pejabat.

Kerja2 lain akan termasuk pembinaan rumah2 kediaman guru yang merupakan sa-buah blok dua yunit kelas 'F'.

Tapak di-mana bangunan2 itu akan di-bina sudah pun diratakan.

Ada-lah di-harapkan bahawa kerja2 akan di-mulakan kira2 awal tahun depan.

Pada masa ini, Tanah Jambu mempunyai sa-buah bangunan sekolah sementara



Gambar atas menunjukkan pemain2 hoki S.M. Putat yang telah menjadi johan dalam perlawanan hoki peringkat sa-negeri bergambar dengan guru besar sekolah itu, Che'gu Mokhtal bin Sehat (no. 4 dari kanan) dan guru pasokan, Che'gu Mohd. Yusof bin Haji Bagol.

# JAWATAN-JAWATAN KOSONG

## DI-JABATAN PELAJARAN

Permohonan2 ada-lah dipelawa daripada chalun2 yang berkelayakan untuk memenohi jawatan sa-bagai Penolong Pengajar, Pemasangan dan Penggunaan Meshen di-Jabatan Pelajaran, Brunei.

*Kelayakan2:*

Mesti-lah mempunyai kelayakan yang di-iktiraf dalam kejuruteraan mekanikal atau Kursus City & Guilds No. 193, Bahagian 1 & 2, atau No. 393,

Sijil Tahun Pertama dalam pertukangan Kejuruteraan.

'Am:

Chalun2 untuk jawatan2 ini hendak-lah tamat latehan serta mempunyai beberapa tahun pengalaman praktikal. Keutamaan akan di-beri kepada chalun2 yang boleh bertutor dan menulis dalam Bahasa Melayu.

*Gaji:*

Dalam sukatan gaji T. 7 —

\$470 x 20-510 x 30-540 x 20-660 x 30-690 x 20-710 x 30-890. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

*Sharat2 Lantikan:*

Chalun2 yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek sa-lama tiga tahun termasuk masa perhubungan sa-lama 6 bulan. Kontrek boleh di-baharui dengan persetujuan bersama. Bagi chalun2 yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perhubungan.

*Baksis:*

Bagi sa-seorang chalun yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Permohonan2 mesti-lah dipenohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada-nya tidak lewat dari 10hb. Januari, 1973.

## Sa-bagai Imam dan Merbut

Permohonan2 ada-lah dipelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikht di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

a) IMAM (1 jawatan) — Bagi Mesjid Senaut, Tutong.

b) MERBUT (2 jawatan) — Bagi Mesjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait dan Mesjid Pekan, Seria.

Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang tinggal dalam kawasan yang berdekatan dengan mesjid2 yang berkenaan.

*Kelayakan2:*

a) Pemohon2 mesti-lah berumur antara 20 hingga 45 tahun.

b) Mesti-lah mahir dalam membacha Al-Quran dan mengetahui rukun2 Uga-Islam.

c) Mengetahui dan bersedia bagi menyempurnakan Fardzu Keparah bila2 masa di-kehendaki.

d) Pemohon2 mesti-lah bersedia menghadapi satu pereksaan yang akan diadakan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

*Gaji:*

Dalam sukatan gaji ada-lah saperti berikut:—

Jawatan IMAM — U. 4 — \$280x10-390-410x15-560.

Jawatan MERBUT — U. 1 — \$190x5-230-240x10-270.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah dipenohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kepada-nya tidak lewat dari 10hb. Januari, 1973.

Permohonan2 ada-lah dipelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan bagi jawatan sa-bagai Ahli Bomba di-Jabatan Penerbangan Awam, Brunei.

*Kelayakan2:*

a) Umur: Di-antara 18 hingga 28 tahun.

b) Tinggi: Sekurang2-nya 5' 4".

c) Pelajaran: Biasa-nya chalun2 hendak-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan II atau yang sa-banding dengannya dan boleh ber-

## Sa-bagai Ahli Bomba

tutor dalam Bahasa Inggeris.

d) 'Am: Perlu mempunyai Lesen Memandu Kelas III, walau bagaimana pun, keutamaan akan di-beri kepada mereka yang mempunyai Lesen Memandu Kelas V. Chalun2 hendak-lah menjalani pereksaan perubatan dan perlu mempunyai badan yang tegap dan sehat.

*Gaji:*

Rekrut — \$200.00 sa-bulan.

## Kenyataan Pegawai Penguasa Warith

DI-DALAM MAHKAMAH  
PEGAWAI PENGUASA  
WARITH, KUALA BELAIT  
SURAT KUASA PESAKA

No. 56/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Zarkashi bin Hj. Yusof @ Zakaria, Nadzir Sekolah2 Ugama Daerah Belait, Kuala Belait, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Mohd. Salleh bin Ahmad yang telah meninggal dunia di-dalam Seria, Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah Nadzir Sekolah2 Ugama Daerah Belait kepada simati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Kuala Belait pada 27 haribulan Disember, 1972, pada pam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Kuala Belait sebelum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 14 haribulan Disember, 1972.

MD. ALI BIN DAUD,  
Tim. Pegawai Penguasa Warith,  
Negeri Brunei.

Sa-telah tamat berkhidmat sa-lama 6 bulan dengan memuaskan chalun2 tersebut akan di-lantek sa-bagai Ahli Bomba dengan gaji \$230.00 sa-bulan dalam sukatan gaji \$230x5-265.

Permohonan2 mesti-lah dipenohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kepada-nya tidak lewat dari 8hb. Januari, 1973.

# JAWATAN-JAWATAN KOSONG

## Sa-bagai Pegawai

### Kastam

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan bagi memenohi jawatan2 Pegawai Kastam di-Jabatan Kastam dan Bea, Brunei.

#### Kelayakan2:

Lulus Tingkatan III Inggeris atau yang sa-banding dengan-nya. Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang mempunyai sijil menunjukkan salah satu mata-pelajaran-nya ia lulus dalam bahasa Melayu, atau sekurang2-nya boleh bertutor dalam bahasa Melayu dengan cekap.

#### Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB 4 — \$230x10-290x15-335/EXAM/350 x 15-380-410 x 20-510/EB/540x20-660.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kepada-nya tidak lewat dari 6hb. Januari, 1973.

## SA-BAGAI TIM. PENDAFTAR BERANAK DAN MATI

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang berkelayakan untuk memenohi jawatan Timbalan Pendaftar Beranak dan Mati di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

#### Kelayakan2:

- Chalun2 mesti-lah terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan dan lulus sekurang2-nya Sijil Pelajaran Malaysia atau yang sa-banding dengan-nya. Keutamaan akan di-beri kepada chalun2 yang mempunyai kelulusan2 yang lebih tinggi.
- Permohonan2 daripada pegawai2 Kerajaan yang telah berkhidmat sekurang2-nya sa-lama 5 tahun akan juga di-pertimbangkan.
- Mempunyai pengalaman pendaftaran atau pernah berkhidmat dalam jawatan2 perangkaan merupakan suatu kelebihan.

#### 'Am:

Chalun yang berjaya mesti-lah bersedia untuk menjalani kursus di-seberang laut.

#### Gaji:

Dalam sukatan gaji C. 2 — \$710x30-950.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan

Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati dari-

pada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kepada-nya tidak lewat dari 8hb. Januari, 1973.

## SA-BAGAI JURU MESIN KANAN

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang berkelayakan untuk memenohi jawatan Juru Mesin Kanan di-Bahagian Mesin Pejabat, Pejabat Perbendaharaan, Brunei.

#### Kelayakan2 dan Pengalaman:

- Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Darjah V Melayu dan Tingkatan IV Inggeris;
- Pemohon2 hendak-lah se-baik2-nya berumur di-antara 27 hingga 35 tahun dan mempunyai pengalaman luas dalam kerja2 memelihara dan membaiki mesin2 pejabat;
- Mengetahui sa-banyak sedikit tentang electronics merupakan suatu kelebihan;
- Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman menyelia kaki tangan2 dan men-tadbir sa-sebuah workshop.

#### Gaji:

Dalam sukatan gaji C. 1 EB 2 — \$610x30-640x40-680/EB/710x30-950. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

#### Sharat2 Lantekan:

Chalun2 yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek sa-lama 3 tahun termasuk masa percuti sa-lama 6 bulan. Chalun2 yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh percuti.

#### Baksis:

Bagi chalun2 yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kepada-nya tidak lewat daripada 30hb. Disember, 1972.

## Sa-bagai Pemandu Kereta Tingkatan II

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan Pemandu Kereta Tingkatan II di-Jabatan Muzium, Brunei.

#### Kelayakan2 dan Pengalaman:

- Pemohon2 mesti-lah berumur antara 20 dan 40 tahun dan boleh menulis dan membaca.
- Mereka mesti-lah peman-

du2 yang berpengalaman dan mempunyai lesen memandu dengan tidak pernah di-dakwa kerana kesalahan memandu serta boleh memperbaiki kerosakan2 kecil.

#### Tugas2:

Chalun yang berjaya akan di-kehendaki memandu kenderaan Jabatan dan bersedia bekerja bila2 masa di-kehen-

daki di-luar masa pekerjaan biasa.

#### Gaji:

Dalam Sukatan gaji F. 3 — \$220x5-240.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kepada-nya tidak lewat daripada 30hb. Disember, 1972.

**MENDERMA-LAH  
KAPADA  
TABONG  
PEMBINAAN  
STADIUM  
SA-BERAPA  
BANYAK  
YANG BOLEH**

## SI-TUYU oleh: m. salleh ibrahim



## Lawatan D.Y.M.M. ka-kampung2 pendalaman

(Dari muka 1)

juga telah menggunakan landrover dan kebanyakan dengan berjalan kaki terutama ketika berangkat dari kampung ka-kampung.

Dalam lawatan2 itu, Baginda sendiri telah berkesempatan melihat keadaan kehidupan raayat Baginda di-pendalaman dan di-pehak raayat yang Baginda kunjongi itu mensifatkan keberangkatan Baginda itu sa-bagai satu kenyataan yang Baginda benar2 mengasehi raayat dan ingin melihat mereka hidup dalam kebahagiaan.

Berikutan dengan itu, melalui ketua2 dan penghulu2 kampung2 pendalaman yang di-lawati Baginda itu, raayat pendalaman berkesempatan merafakkan ikrar ketaatan mereka kepada Baginda dan berterima kasih atas kemudahan2 yang di-sediakan oleh Kerajaan Baginda baik dari segi pembekalan pendidikan mahu pun kemudahan2 penghidupan dan keugamaan.

Sa-bagai kenang2an keberangkatan Baginda itu, penduduk2 pendalaman telah menyumbangkan beberapa chendermata yang kebanyakan chendermata yang berhubung dengan sejarah seperti barang2 lama dan hasil2 buatan dari mereka sendiri.

Melawat ka-empat buah kampung pendalaman di-Daerah Brunei dan Muara, dari Bandar Seri Begawan Baginda menaiki sa-buah helikopter khas bersama2 dengan Duli Yang Amat Mulia Raja Muda Johore, Tunku Mahmud Iskandar dan adinda2 Baginda, sementara sa-buah helikopter lagi membawa rombongan Baginda.

Kampung pertama yang di-lawati Baginda ia-lah di-Kampung Limau Manis, dan Baginda serta rombongan telah di-sambut di-situ oleh Penolong Pegawai Daerah Brunei Muara, Awang Yunus bin Haji Hussein dan penduduk2 kawasan itu.

Di-Padang Sekolah Melayu Limau Manis, Baginda telah di-raikan dengan pertunjukan2 tari2an oleh kanak2 sekolah dan tarian "Bubu" oleh penduduk kampung.

Awang Haji Ladi bin Omar, bagi pehak penduduk2 Kg. Limau Manis, Wasan, Bebuloh, Pangkalan Batu, Masin dan Batong telah menyumbangkan ikrar taat setia dan keshukoran atas nikmat2 yang telah di-kechap oleh penduduk2 dari ranchangan2 kemajuan Kerajaan Baginda yang telah di-adakan di-kampung masing2. Baginda juga telah menerima chendermata yang merupakan sa-batang "tumbak" dari Penghulu Mukim Limau Manis, Awang Haji Abd. Wahab bin Haji Abdullah.

Dari Limau Manis, Baginda dan rombongan berangkat berjalan kaki sa-jauh lebih dari empat batu ka-Kampung Junjongan. Penduduk2 di-kampung itu telah bersedia berkumpul di-Padang Sekolah Melayu Junjongan untuk menanti keberangkatan Baginda.

Sapertimana di-Limau Manis, Baginda juga menerima ikrar taat setia dari penduduk2 di-sana dan di-raikan dengan tari2an, permainan gasing dan menerima persembahan chendermata.

Dari Junjongan, Baginda dan rombongan berangkat dengan helikopter ka-Kg. Lumapas. Penduduk2 kampung itu juga siap sedia menanti keberangkatan Baginda di-Padang Sekoian Melayu Lumapas. Di-sana, Baginda telah juga di-raikan dengan tari2an dan menerima chendermata serta ikrar taat setia dari penduduk2 di-situ.

Dari Lumapas, sekali lagi Baginda dan rombongan menaiki helikopter untuk berangkat ka-Pulau Baru-Baru yang letak-nya di-sa-berang Pulau Chermin. Pulau Baru-Baru ia-lah kampung yang terakhir yang di-kunjongi Baginda pada hari itu.

Keberangkatan Baginda di-Pulau itu telah di-sambut dengan meriah-nya oleh kira2 500 orang penduduk2 di-situ termasuk yang datang dari Berbunut.

Di-Pulau itu, Baginda juga telah menerima sembah ucapan taat setia dan keshukoran dari penduduk Pulau Baru-Baru dan Berbunut yang di-sembahkan oleh Ketua Kampung Berbunut, Awang Haji Abd. Hamid bin Matrais.

Awang Hj. Abd. Hamid juga telah menyumbangkan chendermata yang merupakan sa-bilah keris tua sa-bagai persembahan penduduk2 Pulau Baru-Baru dan Berbunut.

Sa-belum itu, Baginda dan rombongan telah menyaksikan persembahan tarian zapin, gambus dan silat.

Saperti di-kampung2 yang lain, Baginda juga melayani kehendak penduduk2 dari kedua2 buah kampung itu untuk berziarah kepada Baginda.

## Perarakan Pengantin Diraja

(Dari muka 1)

na Wazir, kerabat2 Diraja, pembesar2 negara serta jemputan2 khas.

Sa-telah Istiadat Bersanding, kedua mempelai Diraja itu kemudian di-arak mengelilingi Bandar Seri Begawan untuk diperkenalkan kepada raayat jelata.

Kedua2 mempelai Diraja itu di-arak dalam sa-buah kenderaan yang di-hiasi khas yang melambangkan kebesaran adat-istiadat Diraja Brunei sambil di-ikuti oleh pembesar2 negara dan alat2 kebesaran Diraja.

Perarakan yang panjang-nya kira2 dua batu itu di-iringi oleh dua orang kanak2 Pahawai Lelaki (sa-orang memegang Keris dan sa-orang memegang Kaskol.) sa-orang perempuan (Pengiran) yang berpakaian sa-pangadak gadong yang di-iringi oleh sa-orang Dayang2 yang membawa Kaskol serta 14 orang Pahawai Perempuan yang membawa dua Puan, dua Tarian, dua Kabok, dua Penastan, dua Kiap, dua Chupu dan dua Pesigupan.

Lain2 alat kebesaran Diraja yang mengiringi perarakan itu ialah 16 orang pegawai yang membawa Tumbak, 16 orang memba-



D.Y.M.M. sedang menerima chendermata yang merupakan sa-batang tumbak dari Awang Haji Abd. Wahab bin Haji Abdullah, Penghulu Mukim Limau Manis.

## Penyusunan sistem pelajaran yang sa-imbang dengan negeri2 lain

PEKAN SERIA. — Sistem Pelajaran sedang di-susun bagi mengimbangkan perkembangan2 pelajaran seperti yang terdapat di-negeri2 sedang membangun dan kesadaran mengenai-nya juga sedang di-pesatkan.

Dalam konteks tersebut Jabatan Pelajaran mempunyai tanggung jawab yang besar kerana pelajaran

ada-lah suatu alat yang akan menjadikan masyarakat menyemai kesadaran untuk jenerasi2 muda bagi membangun kemajuan negara pada masa akan datang.

Demikian di-tegaskan oleh Nadzir Sekolah2 Melayu Daerah Belait, Awang Hj. Sabtu bin Muhammad yang juga sa-laku wakil dari Jabatan Pelajaran ketika beliau menutup kursus pelajaran bahasa Inggeris bagi Sekolah2 Melayu, Inggeris, dan China di-Sekolah Menengah Melayu Muhammad Alam Setia minggu lalu.

Beliau sa-lanjut-nya menegaskan, dengan ada-nya pelajaran, jenerasi2 muda dapat di-bentuk untuk memainkan peranan mereka sa-bagai raayat yang berguna dan produktif.

Nadzir Sekolah2 Melayu itu berharap kepada guru2 yang mengikuti kursus itu supaya menyampaikan pelajaran tersebut dengan chara2 baru yang boleh mencepatkan lagi penerimaan kanak2 dalam pelajaran Bahasa Inggeris di-sekolah2.

Beliau yakin di-samping pelajaran bahasa Inggeris, pelajaran Ilmu Hisab dan Ilmu Sains adalah juga penting di-ajarkan di-semua Sekolah2 Melayu di-negeri ini bagi melicinkan kemampuan mereka ketika melanjutkan pelajaran ka-tingkatan peralihan atau tingkatan menengah nanti.

Kechichiran penuntut2 di-Sekolah2 Menengah Melayu sejak dari Sekolah Menengah di-buka ia-lah di-sebabkan kelemahan mereka dalam bahasa Inggeris, kerana penuntut2 tersebut hanya baru menerima pelajaran itu apabila mereka melangkah ka-peringkat peralihan itu.

Jabatan Pelajaran, kata Awang Haji Sabtu lagi, telah pun menyedai hal itu dan chuba mengurak langkah bagi mengatasi-nya sa-berapa yang terdaya. Kursus2 bahasa Inggeris, Ilmu Hisab dan Sains yang berjalan sekarang adalah sa-takat menerima latchesan dari tersebut.

Beliau menyeru kepada semua guru2 yang menamatkan kursus itu supaya berusaha dan mencari jalan lain bagi menambahkan lagi pengetahuan mereka dan bukanlah sa-takat menerima latchesan dari maktab2 saja.

## Bintang Radio 1972

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pertandingan akhir Bintang Radio seluruh negeri tahun 1972 akan di-adakan pada 23hb. Disember di-Dewan Raya, Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Bandar Seri Begawan mulai jam 8.00 malam.

Lebih dua ratus orang peserta dari semua daerah di-negeri ini telah menyertai pertandingan yang di-jalankan awal bulan ini dan saramai 20 orang dari mereka termasuk 6 orang wanita telah di-

pileh untuk memasuki pertandingan peringkat akhir itu.

Perserta lelaki dan wanita yang terbaik dalam pertandingan itu akan menerima sa-buah piala pusnigan dan peserta2 lain akan menerima hadiah2 dari Jabatan Penyiaran dan Penerangan.

Tiket2 menonton yang berharga \$3.00 dan \$2.00 telah di-jual mulai semalam di-tingkat bawah Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Bandar Seri Begawan.